

05 FEB 1997

Mahathir-sosial

JANGAN MENUDING JARI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam khususnya masyarakat Melayu tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak atau kepesatan pembangunan negara sebagai punca kepada kewujudan masalah sosial yang semakin meruncing.

Perdana Menteri berkata hakikat bahawa masyarakat Islam dan orang Melayu khususnya menghadapi masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang lebih hebat daripada orang bukan Islam mestilah dikaji dan dianalisis supaya jalan penyelesaian dapat diambil.

Katanya pendapat yang menyalahkan bahawa kebejatan sosial di negara ini adalah akibat kepesatan pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi moden kerana ia memudahkan gejala sosial menular adalah pendapat yang cetek.

"Di zaman dunia tanpa sempadan ini, Islam tidak boleh mengasingkan dan mengelakkan diri daripada apa yang berlaku di dunia," katanya semasa berucap pada perjumpaan khas dengan wakil-wakil agensi unit agama seluruh negara berhubung Masalah Sosial di Kalangan Masyarakat Islam di Pusat Islam di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, beberapa Menteri Kabinet dan Menteri Besar, tokoh politik dan aktivis masyarakat.

Dr Mahathir berkata tidak ada negara Islam di dunia yang benar-benar bebas daripada orang bukan Islam, bahkan di Tanah Suci Mekah sekalipun tidak boleh menangkis kesemuanya termasuk maklumat yang diterima daripada negara bukan Islam.

Katanya masyarakat Islam tidak boleh menyalahkan kehidupan di zaman teknologi komputer dan Internet yang memberikan kemudahan maklumat yang mempunyai kebaikan serta keburukan yang boleh merosakkan, pertumbuhan ekonomi serta kemajuan yang pesat sehingga memudahkan perlakuan sosial dan kehidupan bebas.

Beliau berkata hakikat bahawa umat Islam hanya menyatakan Islam sebagai cara hidup tetapi tidak memberi tumpuan pada cara hidup sebenar Islam dan sekiranya ada tumpuan pun dihadkan kepada perkara tertentu sekadar untuk memberi gambaran ia mengamalkan ajaran Islam, mestilah diambil kira dan dikaji.

"Apakah memadai dengan hanya ternampak saja kita mengamalkan ajaran Islam, berpuashati apabila masjid dipenuhi, ternampak seolah-olah kita adalah masyarakat yang berpegang kuat pada ajaran Islam jika dilihat daripada segi pakaian, menghadiri kuliah subuh dan qiamullail sedangkan hakikatnya banyak gejala yang bertentangan ajaran Islam diamalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata pendedahan cara hidup serta kemewahan yang dinikmati tidak boleh dipersalahkan kerana masyarakat bukan Islam juga menerima pendedahan dan malah mempunyai kekayaan yang lebih banyak daripada masyarakat Islam, tetapi keruntuhan moral yang melanda mereka tidak sehebat umat Islam.

Beliau berkata 55 peratus rakyat negara ini terdiri daripada masyarakat Islam manakala 45 peratus adalah bukan Islam dengan 28 peratus adalah kaum Cina, 10 peratus India dan bakinya adalah kaum lain tetapi kajian perbandingan menunjukkan bahawa peratusan orang Islam yang terbabit dalam masalah sosial melebihi daripada peratusan umat Islam yang ada iaitu 67 peratus manakala kaum Cina adalah 17 peratus.

"Orang bukan Islam nampaknya lebih mampu mengelakkan diri daripada gejala buruk sedangkan kedua-dua pihak terdedah kepada keadaan yang sama... apakah kekayaan dan kemajuan yang menyebabkan kita (Islam) terlibat dengan gejala buruk sedangkan orang Cina lebih mewah," katanya.

Perdana Menteri berkata saranan bahawa pelbagai sekatan perlu diadakan untuk membanteras gejala sosial tidak mungkin berjaya menyelesaikan masalah sosial tanpa benteng ketahanan diri yang kuat pada seseorang individu.

Katanya tumpuan harus diberikan ke arah pembinaan peribadi yang mampu menolak perkara-perkara buruk.

Dr Mahathir berkata telah wujud fenomena apabila masyarakat khususnya ibu bapa menyalahkan guru dan guru menyalahkan ibu bapa kerana kebejatan sosial yang melanda anak muda, sedangkan hakikatnya ialah kedua-dua pihak memainkan peranan yang amat penting dan besar.

"Kini banyak ibu bapa yang tidak berkesan dalam usaha menyemaikan nilai-nilai baik, membentuk peribadi, menunjuk ajar dan menasihati anak-anak di rumah," katanya.

Beliau berkata tidak dinafikan bahawa guru agama memainkan peranan yang lebih besar tetapi mungkin isi pengajaran agama yang disampaikan tidak berkesan dan tidak memenuhi untuk membentuk peribadi dan mencorakkan kehidupan Islam anak-anak.

"Kita perlu tanya dengan ikhlas apakah Islam sebagai cara hidup hanya cukup dengan bersembahyang, menunaikan puasa, membayar zakat... sedangkan tentang cara hidup, perlakuan sosial, tumpuan kepada perkara-perkara tertentu, penghargaan terhadap bekerja kuat yang menjadi sebahagian daripada ajaran agama untuk membentuk peribadi yang mulia tidak diberi tumpuan," katanya.

Dr Mahathir berkata pelbagai usaha dijalankan kerajaan untuk mengembang serta memperhebatkan ajaran agama Islam tetapi ia masih tidak berkesan untuk menangkis dan membanteras gejala sosial.

Bagaimanapun, katanya kerajaan sahaja tidak dapat memikul beban itu dan memerlukan kerjasama semua pihak bagi mengatasi masalah sosial ini.

Katanya pendekatan dan perubahan perlu dilakukan seperti penyampaian khutbah Jumaat dan ceramah agama yang perlu diperluaskan kepada golongan yang tidak pernah mengunjungi masjid. -- BERNAMA

HS RAZ MAI